

22/03/1999

Pemuda perjuang masalah penduduk Melayu

PORT DICKSON, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno akan memperjuangkan masalah penduduk kampung Melayu yang tinggal berdekatan ladang babi di Lukut, dekat sini.

Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata beliau menyedari masalah penduduk terbabit dan akan mengemukakannya kepada pucuk pimpinan parti.

Sambil mengakui isu penternakan babi sensitif, katanya masalah itu sudah terlalu lama dan kesabaran penduduk terbabit ada batasannya.

Beliau berkata, pandangan ahli di peringkat kampung perlu diambil kira berhubung penyelesaian masalah itu.

"Pendirian Pergerakan Pemuda Umno adalah jelas sejak dulu, jangan ada penternakan babi dekat kampung Melayu.

"Apa yang berlaku sekarang (wabak Japanese Encephalitis) memberi ruang kepada kita untuk berhujah dan membangkitkan (penternakan babi) dan mungkin diterima pihak atasan," katanya di balai raya Kampung Pachitan, petang ini.

Turut hadir ialah Ketua Pemuda Negeri Sembilan, Shahrum Akram Othman dan Ketua Umno cawangan Kampung Pachitan, Ismail Harun. Pada majlis itu, Ismail menyampaikan memorandum masalah penduduk kepada Hishammuddin.

Hishamuddin berkata, sekarang adalah masa keemasan untuk menjadikan industri penternakan babi yang dulunya tidak sistematik menjadi teratur dengan mewujudkan pelan induk tertentu.

Dari segi jangka panjang, katanya perlu ada tindakan penyelesaian terperinci seperti kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Katanya, Pergerakan Pemuda Umno akan menunggu tindakan itu dan kemudian berdialog dengan penduduk terbabit serta membangkitkan masalah itu dengan pihak atasan hingga mereka mendapat penyelesaian.

Sebagai langkah jangka pendek, katanya kira-kira 500 penduduk kampung Melayu yang tinggal berhampiran ladang babi perlu dipindahkan segera kerana keadaan di situ tidak selamat.

"Pemindahan itu boleh dibincangkan dengan wakil rakyat dan jika tiada wang, Pergerakan Pemuda Umno pusat dan negeri akan berusaha memberi bantuan kewangan," katanya.

Beliau juga meminta penduduk kampung Melayu mendapatkan suntikan vaksin sebagai langkah pencegahan dan tidak terpengaruh dengan pelbagai tohmahan pihak tertentu berhubung penggunaan vaksin.

Sementara itu, Shahrul Akram meminta pihak berkuasa tempatan tidak lagi berkompromi dengan penternak babi yang tidak mengikut peraturan.

(END)